

TARIKH : 1 JUN 2022  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 18

### Syarikat Jepun, Petronas bincang bangun teknologi hijau

## Syarikat Jepun, Petronas bincang bangun teknologi hijau

**KUALA LUMPUR** - Beberapa syarikat besar di Jepun sedang mengadakan perbincangan dengan Petrolia Nasional Bhd (Petronas) untuk membangunkan teknologi hijau di Malaysia, kata Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Beliau berkata, satu kajian sedang dijalankan berhubung perkara tersebut dan ia merupakan usaha yang baik untuk negara dalam mencapai matlamat karbon sifar bersih seawal tahun 2050.

"Ini akan kita teruskan dan kita juga telah meminta pihak Jepun untuk meneruskan kerjasama tersebut," katanya kepada pemberita semasa Majlis Ramah Mesra Aidilfitri Tahun 2022 bertemakan 'Ekonomi Lestari, Teguh dan Makmur' anjuran Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) pada Selasa.

Mohamed Azmin menyifatkan usaha MITI untuk menarik lebih banyak pelaburan ke dalam negara berjaya membantu mencipta pekerjaan berkualiti tinggi dan membawa teknologi baharu yang membolehkan pengusaha kecil serta sederhana untuk lebih aktif meningkatkan produktiviti mereka menggunakan teknologi canggih.

Selain itu, beliau menjelaskan, Dasar Pandang ke Timur (DPT) juga telah banyak

“

*Tumpuan kita sekarang ini adalah kepada isu-isu alam sekitar, kelestarian dan teknologi hijau yang menjadi paksi dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12)."*

membantu dalam memperkasakan sosio-ekonomi Malaysia sejak diperkenalkan 40 tahun lalu tetapi cabaran dalam memantapkan dasar tersebut berbeza pada masa sekarang.

"Tumpuan kita sekarang ini adalah kepada isu-isu alam sekitar, kelestarian dan teknologi hijau yang menjadi paksi dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12)," katanya.

Baru-baru ini, Malaysia dan Jepun bersejua supaya hubungan dua hala dinaik taraf ke peringkat yang lebih komprehensif dan DPT diteruskan dengan membina kerjasama baharu seperti dalam bidang tenaga, bandar pintar, alam sekitar serta perubahan iklim. - *Bernama*